

## 37. Kedai Kopi Yang Kotor

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



**Kata bantuan:**

kedai kopi

sakit perut

kotor

hospital

makan

keracunan makanan

Adam dan kakaknya berasa lapar. Mereka pun ke **kedai kopi**. Kedai kopi itu **kotor** dan penuh dengan lalat dan lipas. Tetapi, Adam dan kakaknya tidak mempedulikannya.

Adam dan kakaknya membeli mi soto. Mereka pun **makan** sambil menghirup air bandung. Mereka tidak menyedari bahawa makanan mereka itu dicemari kuman.

Setelah mereka tiba di rumah, mereka mengalami **sakit perut** dengan tiba-tiba. Mereka terpaksa dikejarkan ke **hospital**.

Doktor berkata bahawa mereka terkena **keracunan makanan**. Mereka menyesal membeli makanan dari kedai kopi yang kotor itu. Barulah mereka sedar betapa pentingnya kebersihan itu.